

02

EDISI KEDUA



BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Kunjungan oleh
Pro-Canselor UiTM
YBHG. Tan Sri
Dato' Seri Utama
(DR) Arshad Ayub
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018
Art Meet Science
Pensyarah FSSR pameran
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok
Berwajah Baru
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
En Zaidi Yusoff
Dr Nurul Ayn Sayuti
En Abdullah Kula
Dr Shafila Subri

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

JAMES DYSON FOUNDATION ENGINEERING WORKSHOP

oleh: Dr Nurul 'Ayn Ahmad Sayuti



Pelajar membuat perbincangan semasa sesi 'brainstorming' idea.

James Dyson Foundation (JDF) merupakan satu organisasi yang tidak berasaskan keuntungan (non-profit organization) yang ditubuhkan khas untuk memupuk pemikiran yang berbeza (out of box), rekacipta dan berkebolehan dalam aspek teknikal. Sehungan dengan itu, bengkel ini akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kerjaya sebagai pereka industri. Selain daripada itu pelajar akan didedahkan kepada 'design thinking' yang mana aktiviti perbincangan (brainstorming) mencari jalan penyelesaian sesuatu isu, melakar dan penghasilan prototaip akan dijalankan secara berkumpulan. Program ini juga membantu pemilihan pelajar untuk James Dyson Award Competition yang diadakan secara tahunan.